

03/07/1998

The Guardian sinis isu terkini Malaysia

Azizi Othman in London

LONDON, Khamis - Sebuah akhbar Britain hari ini menyiarkan artikel sinis berhubung beberapa isu terkini di Malaysia seperti pembukaan lapangan terbang baru di Sepang, kegawatan ekonomi dan pelantikan Tun Daim Zainudin sebagai menteri.

Akhbar harian The Guardian dalam artikel `Simbol status baru Asia' yang mengulas pembukaan dua lapangan terbang baru Asia iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Chek Lap Kok di Hong Kong, menyelitkan laporan yang memihak kepada wilayah bekas tahanan jajahan Britain itu.

Perkara itu ketara apabila tajuk kecil laporan berkenaan yang diletakkan sebelah-menyebelah berbunyi `Clinton mendapat penghormatan' (mendarat di Chek Lap Kok), manakala satu lagi `Kegawatan ekonomi sedia untuk memberi Mahathir pendaratan tidak lancar (di KLIA)'.
(END)